



Antara Kesamaan dan Perbezaan : Cabaran untuk TNE

Dr Jaya Priah Kasinathan

Suggested citation:

Kasinathan, J. P. (2023) Antara Kesamaan dan Perbezaan : Cabaran untuk TNE. (Between sameness and difference: challenges for TNE).

<https://peer.coventry.ac.uk/blogs-and-papers/>

Published in March 2023.

Antara Kesamaan dan Perbezaan : Cabaran untuk TNE

Versi Bahasa Melayu diterjemahkan oleh Dr Jaya Priah Kasinathan
Pakar Pengurusan TVET merangkap Pengurus Latihan dan Pembangunan Profesional
Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Brunei Darussalam

"Same same, but different" telah menjadi frasa popular di Asia Tenggara. Ia bermaksud dua perkara serupa tetapi sebenarnya tidak sama. Konotasi frasa ini mencerminkan dilema yang dihadapi oleh program pendidikan tinggi secara kolaboratif antara United Kingdom dan negara-negara Asia Tenggara - yang lebih dikenali sebagai pendidikan transnasional / "Trans-National Education"(TNE), UK.

Program TNE ini sering dipromosikan sebagai "antarabangsa" dan "sama" seperti program asal di UK , tetapi juga sebagai "nasional" dan "berbeza".

Baru-baru ini, projek **PEER** yang dipimpin oleh Universiti Coventry telah mengkaji kontradiksi "kesamaan" dalam TNE Asia Tenggara-UK, dan di sini kami menimbangkan beberapa sebab dan akibatnya.

Program TNE: Membentukkan Semula Ruang Pendidikan Tinggi

TNE di UK merujuk pada program ijazah yang disediakan sepenuhnya atau sebahagiannya di luar UK tetapi membawa kepada pengiktirafan UK atau dwi-pengiktirafan. TNE mempunyai bentuk yang berbeza di negara-negara yang berlainan, yang merangkumi dari pembelajaran sendiri secara jarak jauh, program francais, dan kerjasama berkolaborasi hingga ke program "top-up" dan kampus - kampus cawangan.

Projek PEER telah memberi tumpuan kepada kerjasama TNE secara berkolaborasi yang melibatkan kedua-dua institusi UK dan Asia dalam membangunkan kurikulum, menyampaikan kursus, dan melaksanakan jaminan kualiti dalaman dan luaran.

Negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Asia Tenggara (ASEAN) telahpun menjadi tuan rumah yang dikenali dengan program TNE yang ditawarkan oleh UK. Sejak tahun 2010, 10 negara ASEAN telah menjadi tuan rumah kepada hampir 1.4 juta pelajar UK TNE, sementara menghantar kira-kira 0.44 juta pelajar untuk belajar di UK, menurut statistik Higher Education Statistics Agency pada tahun 2022.

Apabila model francais diperkenalkan pada sekitar

1990-an kepada ASEAN, banyak institusi swasta menggunakan TNE untuk memenuhi permintaan pelajar domestik yang diperluaskan untuk pendidikan tinggi manakala universiti awam melaksanakan sistem kuota.

Dari hasil penemubuan kami, didapati bahawa program TNE telah pun dipromosikan sebagai program yang sama dengan program yang ditawarkan di universiti induk di UK dari segi isi kandungan kursus, standard akademik, dan kelayakan yang dianugerahkan. Walau bagaimanapun, dalam praktiknya, pengiktirafan kelayakan TNE dan pengalaman pelajar adalah berbeza merentasi seluruh program dalam landskap TNE yang berlainan di Asia.

Mulai pertengahan 2000-an, banyak kerajaan ASEAN memperkenalkan peraturan yang lebih ketat tentang TNE untuk menggalakkan atau memerlukan rakan kerjasama tempatan dan UK untuk membangunkan kurikulum TNE yang berkolaborasi untuk menjadikan TNE relevan di peringkat tempatan.

Negara-negara tuan rumah ini telah menggunakan pendekatan tersebut sebagai sebahagian daripada strategi pengantarabangsaan mereka, iaitu berubah dari status "importer" ke keduduan "rakan kerjasama", atau menjadi hab pendidikan baru, dengan idea TNE mencipta "ruang pendidikan tinggi trans-nasional" di mana pengetahuan dan amalan pedagogi kebangsaan atau tempatan dan antarabangsa atau global adalah saling bersesuaian.

Kerjasama berkolaborasi TNE juga telah membawa cabaran kepada mereka mengembangkan kurikulum yang perlu memenuhi bukan sahaja keperluan agensi jaminan kualiti tempatan tetapi juga "lulus" kelulusan pengesahan rakan kerjasama UK dan pihak berkuasa jaminan kualiti, dan terutamanya memenuhi aspek 'kesamaan' yang di utamakan oleh pelajar (serta ibu bapa mereka yang dari kelas pertengahan)

Di sini kita akan melihat secara khusus program UK TNE di Vietnam - negara tuan rumah yang paling pesat berkembang, dan Malaysia - tuan rumah terbesar di rantau ASEAN.

Antara kesamaan dan identiti kebangsaan

Idea 'kesamaan' telah menjadi ciri yang amat penting untuk mentakrifkan program TNE UK dalam landskap TNE Vietnam dan Malaysia yang pada ususnya berbeza.

'Program Advance' (lebih dikenali tempatan sebagai 'chuong trinh tien tien') di peringkat sarjana muda telah diperkenalkan di universiti awam utama Vietnam sebagai sebahagian daripada inisiatif pengantarabangsaan utama antara 2005 dan 2020. Ini, pada dasarnya adalah skim TNE tajaan kerajaan yang telah mengimport kurikulum daripada 200 universiti terbaik dunia dan menyampaikannya kepada pelajar Vietnam yang berbakat.

Sebagai sebahagian daripada agenda nasional, skim itu dibentangkan sebagai memelihara nilai akademik Vietnam dan mengukuhkan standard akademik universiti terkemuka Vietnam, sekali-gus meningkatkan reputasi mereka.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan dan Latihan Vietnam serta universiti menjangkakan penyampaian kurikulum asing yang utuh dan mengekalkan prinsip 'kesamaan' ini dengan menjemput (dan membayar) ahli akademik daripada universiti-universiti yang berkerjsama untuk mengajar kursus dan melatih ahli akademik Vietnam. Walau bagaimanpun, usaha-usaha oleh ahli akademik Vietnam untuk meytempatkan kurikulum asing secara amnya tidak diiktiraf.

Dalam sektor pendidikan tinggi Malaysia yang kompetitif di peringkat antarabangsa, kebanyakan penyedia TNE adalah institusi swasta yang secara eksplisitnya berbangga dengan menawarkan ijazah yang tidak hanya sama dengan ijazah British, tetapi juga telah dimodelkan mengikut kurikulum, pedagogi dan penilaian mereka - "Pendidikan British di Malaysia", seperti yang diberitahu oleh responden temuramah kami.

Walaupun terdapat hubungan sejarah yang berbeza antara UK dan Malaysia dan Vietnam, terdapat sentimen pro-Barat dalam kedua-dua konteks, dengan 'pendidikan British' yang dianggap oleh pelajar, keluarga mereka dan masyarakat umum sebagai sinonim dengan kualiti yang lebih baik dan memberi faedah dari segi kedudukan kepada pemegang ijazah.

Pada praktiknya, sistem maklum balas yang lemah bermakna pandangan pelajar tentang pengajian mereka tidak selalu didengari dan ianya kelihatan tidak diutamakan dalam agenda 'kesamaan'. Persepsi kesamaan ini secara aktif dan sengaja digunakan oleh kedua-dua penyedia swasta dan pengawal selia awam, walaupun ia juga menimbulkan persoalan dari segi undang-undang sama ada pembelajaran yang tidak berkонтکstual ini akhirnya memberi bermakna atau tidak bagi pelajar tempatan.

Sesungguhnya, perkaitan budaya dan kontekstualisasian diakui secara meluas untuk meningkatkan kejayaan pelajar - contohnya, kebolehkerjaan individu dan kebolehpasaran program TNE. Namun, ianya boleh menyebabkan ketegangan apabila ia mengurangkan rasa 'kesamaan' (menjejaskan kebolehpasaran program), sambil menimbulkan persoalan untuk rakan kerjasama di UK tentang sama ada kursus TNE masih boleh dinilai mengikut piawaian yang sama. Dengan kata lain, sama ada 'kesamaan' bermakna kualiti.

Isu 'kesamaan' juga memudahkan program TNE melepas halangan jaminan kualiti, iaitu, kelulusan oleh rakan kerjasama British atau oleh agensi pihak berkuasa di Asia.

Di Vietnam, 'kesamaan' dengan universiti terkemuka dunia membantu rakan kerjasama Vietnam mendapatkan pembiayaan kerajaan untuk program lanjutan. Di Malaysia, pentaulahan program TNE oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency, MQA) memudahkan akses kepada pinjaman pelajar, sekali gus meningkatkan enrolmen. 'Kesamaan' itu secara tidak langsung menyediakan rakan kongsi British dan agensi jaminan kualiti untuk mengukuhkan lagi keupayaan mereka untuk membentuk landskap HE di Vietnam dan Malaysia.

Sementara itu, bagi mengekalkan identiti nasional, falsafah pendidikan dan nilai yang tersendiri, kedua-dua kerajaan Malaysia dan Vietnam telah memperkenalkan kursus yang wajib diambil. Malaysia mempromosikan identiti Melayu melalui modul "Tamadun Islam dan Tamadun Asia" (Tamadun Islam dan Asia, atau "TITAS") dalam semua program TNE, manakala Vietnam mempromosikan komunisme melalui kursus Marxisme-Leninisme dan Pemikiran Ho Chi Minh dalam semua program lanjutan.

Antara Persamaan dan Autonomi

Autonomi kakitangan tempatan nampaknya berkurangan oleh doktrin 'kesamaan', dengan rakan kerjasama UK yang menyediakan sebahagian besar kurikulum dan menghadkan pengaruh rakan kerjasama Asia untuk mengontekstualisasikan semula bahan asas, walaupun terdapat perbezaan yang ketara di antara negara-negara.

Tahap 'kesamaan' juga mungkin berbeza-beza bergantung pada ciri-ciri kerjasama dan tempohnya, iaitu semakin lama program kerjasama, semakin besar autonomi yang diperoleh rakan kerjasama di Asia.

Mandat 'kesamaan' yang meluas ini, seterusnya, diperlu untuk membangunkan keupayaan kakitangan tempatan untuk mengontekstualisasikan kurikulum atau untuk membantu mereka membiasakan diri dengan amalan UK, yang kadang-kadang mengungkitkan perasaan kemarahan dan ketidakpercayaan di kalangan pelajar dan kakitangan, yang merasa terhimpit antara harapan dari peringkat global dan permintaan tempatan.

Untuk menangani dilema ini, universiti tempatan semakin mengambil kerja alumni UK atau mereka yang dari diaspora Asia yang secara amnya mempunyai perasaan sayang dan mengenal pasti diri mereka dengan sistem pendidikan UK. 'Kesamaan' kurikulum TNE sebahagiannya datang daripada pengetahuan dan keutamaan orang-orang ini dan mengekalkan asimetri kuasa.

Kami melihat 'kesamaan' sebagai lokus di mana ketegangan berlaku dan jenama TNE bertembung dengan tuntutan identiti nasional dan autonomi institusi. Semasa penulisan ini dibuat, kerajaan UK sedang merancang untuk mengekang visa pelajar antarabangsa, bermakna TNE boleh menjadi strategi yang amat penting untuk mengekalkan kewujudan banyakkan universiti di UK. Dengan keinginan yang semakin meningkat untuk autonomi (dan pemanfaatan dari segi kewangan) oleh pihak tuan rumah Asia, TNE seharusnya menawarkan yang terbaik dari kedua-dua dunia, akan tetapi masalah 'kesamaan' dikelihatan sebagai pengancam kepada matlamat ini.

Versi Bahasa Melayu diterjemahkan oleh Dr Jaya Priah Kasinathan.

Dr Que Anh Dang ialah penyiasat utama projek UK-SEA PEER dan penolong profesor di Institut Pendidikan Global, Universiti Coventry, United Kingdom. Dr Luca Morini ialah penolong profesor di Institut Pendidikan Global, Universiti Coventry, UK.